

1. Pernyataan yang manakah betul tentang sumber ekonomi?
- A Tanah menerima pulangan dalam bentuk faedah
 - B Modal merupakan jentera yang digunakan dalam proses pengeluaran
 - C Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran
 - D Usahawan terdiri daripada individu yang tidak mahir
2. Persamaan antara buruh dan usahawan ialah
- I menerima ganjaran sewa
 - II merupakan faktor pengeluaran
 - III memberi sumbangan kepada ekonomi
 - IV mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
3. Antara berikut, yang manakah betul?

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Tanah	Penawaran tidak terhad
B	Modal	Bangunan mempunyai mobiliti yang tinggi
C	Tanah	Sebahagiannya boleh diperbaharui
D	Modal	Menerima pulangan sewa

4. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.


Syarikat Aman Berhad telah membekalkan produk tenusu dengan menggunakan 15 orang pekerja.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan?

- I Apa yang hendak dikeluarkan ✓
- II Bagaimana hendak dikeluarkan ✓
- III Berapa yang hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- ☒ D III dan IV


5. Rajah berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi



Apakah T?


- A Individu mempunyai pilihan yang terhad
- ☒ B Wujud kuasa monopoli di kalangan firma
- C Pengeluar bebas membuat keputusan ekonomi
- D Kerajaan campur tangan dalam aktiviti ekonomi

6. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Pernyataan yang manakah menyebabkan berlaku peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- (A) Jangkaan harga akan meningkat
 - B Pendapatan boleh guna menurun ✗
 - C Harga barang pengganti menurun ✗
 - D Kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan ✗
7. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi sebuah barang.




Pernyataan yang manakah betul mengenai rajah tersebut?

- (A) Keadaan keluk yang lebih landai
- B Keluk mencerun ke atas dari kiri ke kanan ✗
- C Disebabkan oleh perubahan pendapatan individu
- D Keluk berhubungan positif antara harga dengan kuantiti ✗

8. Situasi yang manakah menyebabkan berlaku penguncupan penawaran?

- A Penurunan harga barang itu
- B Pengurangan cukai import oleh kerajaan
- ☒ C Jangkaan penurunan harga pada masa depan
- D Objektif firma adalah memaksimumkan jualan


9. Rajah berikut berkaitan dengan keseimbangan pasaran kelapa sawit.



Situasi yang manakah menyebabkan perubahan tersebut?

- A Upah buruh meningkat
- B Harga buah sawit dijangka naik
- C Pemberian subsidi kepada pkebun
- ☒ D Objektif adalah memaksimumkan pengeluaran

10. Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu produk.



Pernyataan yang manakah menerangkan keluk tersebut?

- A Keluk permintaan adalah tak anjal
 - B Contoh barang adalah barang mewah
 - C Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
 - D Peratus perubahan kuantiti lebih besar berbanding peratus perubahan harga
11. Jadual berikut menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti baju diminta

Harga (RM)	Kuantiti diminta (helai)
6	30
9	20
12	10

Jika harga meningkat daripada RM6 ke RM12, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

- A 0.5
- B 0.67
- C 1.33
- D 1.50

12. Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga permintaan?
- A Contoh barang anjal ialah beras
 - B Pekali keanjalan lebih daripada satu adalah tidak anjal ✗
 - C Dalam jangka masa pendek permintaannya adalah anjal
 - D Bilangan barang pengganti yang banyak dalam pasaran adalah anjal ✗
13. Wang boleh digunakan untuk menjalankan urusan niaga iaitu jual beli barang dan perkhidmatan berdasarkan harga yang ditetapkan dalam masa satu tahun.
Fungsi wang adalah sebagai alat
- A ukuran nilai
 - B simpanan nilai
 - C bayaran tertunda
 - ☒ D perantaraan pertukaran
14. Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

Syarikat Tamu menghantar senarai nama pekerja, jumlah gaji, nombor akaun bank pekerja dan nama bank kepada Bank Seri Berhad dengan menggunakan cek setiap bulan.

Apakah kemudahan pembayaran tersebut?

- A Perintah sedia ada
- ☒ B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Draf bank

15. Jadual berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Najah bagi tempoh sebulan

Butiran	Jumlah (RM)
Sewa rumah	✓ 400 ✗
Insurans	✓ 60 ✗
Cukai pendapatan individu	✓ 25 ✗
KWSP	330 ✗
Zakat	50 ✗

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Najah?

- A RM405 ✗
- B RM415
- (C) RM460
- D RM465
- 4
16. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- A Pengguna mempunyai banyak pilihan barang
- B Dipengaruhi oleh saiz pendapatan individu
- C Dimiliki untuk keselesaan kehidupan harian ✗
- (D) Harga barang dikawal oleh Kerajaan
17. Pasangan yang manakah betul?

Faktor Corak Perbelanjaan Individu	Penerangan
✗ Harga	Dua barang yang mempunyai fungsi penggunaan yang sama
✗ Pendapatan	Perubahan harga yang akan mempengaruhi perbelanjaan pengguna
C Barang Pengganti	Membahagikan pasaran kepada subunit yang kecil berdasarkan kumpulan pengguna
(D) Pengiklanan dan Pemasaran	Aktiviti yang menyalurkan barang dan perkhidmatan kepada penggunaan akhir

18. Antara berikut, manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi.

- I Memaksimumkan perbelanjaan
- II Mendahulukan barang kehendak
- III Menggalakkan individu menabung
- IV Menyelaras perbelanjaan dengan pendapatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- ☒ D III dan IV

19. Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek.

- A Penggunaan input berubah adalah tetap
- B Menunjukkan hubungan antara input tetap dengan output
- C Input berubah berhubungan secara langsung dengan jumlah keluaran
- D Pada keluaran sifar, tiada input yang digunakan dalam proses pengeluaran.

20. Jadual berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Output (Unit)	Kos Berubah (RM)
20	200
25	250
30	400

Jika kos purata bagi 25 unit output ialah RM16, berapakah kos tetap?

- A RM150
- ☒ B RM200
- C RM250
- D RM400



21. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	5,000 unit
Harga jualan seunit	:	RM 30.00
Kos Purata	:	RM 20.00

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM 10 000
 B RM 30 000
 (C) RM 50 000
 D RM 70 000

$$\begin{array}{r} 150\,000 \\ - 100\,000 \\ \hline 50\,000 \end{array}$$

22. Bagaimanakah struktur organisasi dapat meningkatkan produktiviti?

- A Prosedur kerja yang ringkas dan mudah
 (B) Setiap unit menjalankan tugas masing-masing
 C Majikan yang sentiasa memotivasikan pekerjaanya *gaya*
 D Buruh ditempatkan di posisi yang sesuai dengan kemahirannya.

23. Situasi yang manakah merujuk kepada kos sosial?


- A Nelayan Tanjung Api di Taman Gelora mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai.
 B Peniaga pakaian wanita menanggung kos import yang tinggi kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
 C Firma Amani membuat pembelian bahan mentah yang lebih mahal kesan daripada pandemik Covid-19
 D Syarikat Global Sdn Bhd mengutamakan buruh asing berbanding buruh tempatan kesan pelaksanaan dasar upah.

24. Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal eksploitasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan?

- I Menaikkan peruntukan subsidi ✕
- II Menetapkan harga barang kawalan
- III Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga ✓
- IV Meningkatkan kadar cukai terhadap barang tertentu

- A ~~I dan II~~
- B ~~I dan IV~~
- C II dan III
- D III dan IV

25. Rajah berikut berkaitan dengan jenis inflasi



Pernyataan yang manakah menyebabkan inflasi X berlaku?

- A Mewujudkan lebih permintaan barang
- B Pendapatan individu semakin meningkat
- C Kadar inflasi negara pengeksport meningkat
- D Upah buruh dan kos bahan mentah bertambah

26. Pernyataan yang manakah betul tentang kesan pengangguran dalam ekonomi?

- A Berlaku pembaziran sumber ekonomi
- B Kemasukan buruh asing akan bertambah
- C Meningkatkan pengaliran wang ke luar negara ✕
- D Jurang pendapatan masyarakat semakin kurang

27. Antara yang berikut, situasi yang manakah menyumbangkan kepada kenaikan KDNK Malaysia?

- I Syarikat tempatan yang beroperasi di China menghantar balik keuntungan
- II Maybank Berhad telah membayar upah kepada pekerja tempatan
- III Family Mart milik Korea membuka cawangan di Shah Alam, Selangor
- IV Penerbangan MAS yang beroperasi di Indonesia menghantar balik dividen ke Malaysia.

- A I dan II
- ☒ B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Pernyataan yang manakah berkaitan cukai langsung?

- A Syarikat Jaya Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
- B Koperasi Makmur membayar cukai atas keuntungan yang diperoleh
- C Encik Adam membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- D Puan Ayu membayar cukai kepada agensi pekerja asing

29. Apakah kesan pelaksanaan dasar kewangan mengembang oleh Bank Pusat terhadap ekonomi?

- A Kenaikan harga barang terkawal
- B Kuasa beli Masyarakat berkurang ✗
- C Aktiviti pengeluaran barangan terjejas
- ☒ D Kadar pengangguran dalam ekonomi menurun.

30. Pernyataan yang manakah menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?

- A Meluaskan pilihan pengguna
- B Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain
- C Menikmati harga barang pada harga yang lebih murah ✓
- ☒ D Meningkatkan penggunaan teknologi yang moden

31. Apakah kebaikan pembentukan blok ekonomi?

- I Wujud kuasa monopoli syarikat multinasional
- II Kos pengeluaran meningkat dan daya pengeluaran rendah
- III Memudahkan pergerakan barang, perkhidmatan dan sumber ✓
- IV Pemindahan teknologi yang canggih dan penambahan tenaga pakar ✓
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

32. Pasangan yang manakah betul?

	Bentuk Sekatan	Huraian
A	Subsidi	Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
B	Tarif	Menghalang kemasukan barang import dari negara tertentu
C	Kuota	Mengehadkan jumlah maksimum yang boleh diimport dari sesebuah negara
D	Embargo	Menyebabkan harga barang import relatif lebih mahal berbanding barang tempatan

33. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Lebih baki akaun semasa Malaysia meningkat kepada RM 16.2 bilion pada suku pertama 2024.



Sumber: Berita Harian, 17 Mei 2024

Pernyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun ^
- B Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C Penawaran ringgit melebihi permintaan ringgit
- D Aliran keluar wang dari dalam negara bertambah

34. Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- (A) Pelancong dari India menginap di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. ✓
- B Pelajar cemerlang dari Pahang melanjutkan Pelajaran di Australia ✗
- C Syarikat Automobil Selangor membeli komponen kereta dari Jepun
- D Pelaburan Syarikat Pembinaan milik Malaysia di Indonesia

35. Jadual berikut menunjukkan pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

Mata wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Dolar Singapura (SGD)	3.1269	3.2078

Encik Rahman, seorang pelancong dari Singapura ingin menukarkan SGD6800 kepada Ringgit Malaysia. Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang akan diterima oleh Encik Rahman?

- A RM 2 119.83
- B RM 2 174.68
- C RM 21 262.92
- (D) RM 21 813.04

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Kehendak adalah sesuatu yang perlu dipenuhi terlebih dahulu. ✗
 II Contoh kehendak ialah pakej pelancongan ke luar negara. ✓ B
37. I Hukum penawaran menyatakan apabila harga menurun maka kuantiti ditawarkan menurun. ✓
 II Hukum ini menunjukkan hubungan negatif antara harga dan kuantiti ditawarkan. ✗
38. I Peningkatan kadar caruman KWP pekerja menyebabkan pendapatan boleh guna meningkat. ✓
 II Caruman KWSP adalah sejenis potongan wajib
39. I Dasar fiskal mengembang digunakan semasa ekonomi mengalami inflasi ✗
 II Dasar fiskal mengembang melibatkan peningkatan perbelanjaan kerajaan ✓
40. I Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai apabila wujudnya lebihan penawaran Dolar Amerika Syarikat di pasaran pertukaran asing. ✓
 II Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan harga import relatif lebih murah. ✗

KERTAS SOALAN TAMAT